

Teliti semula projek RTB

KEMENTERIAN Sumber Asli dan Alam Sekitar sedang meneliti semula projek-projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang akan dilaksanakan untuk disesuaikan dengan perubahan iklim di negara ini.

Timbalan Menteri, Datuk Hamim Samuri berkata, perubahan iklim seperti jumlah hujan yang tidak menentu perlu diambil kira supaya projek yang dilaksanakan bakal memberi impak terbaik kepada rakyat.

“Penerokaan kawasan-kawasan baharu yang menyebabkan hakisan tanah dan pengumpulan tanah hingga mengakibatkan sungai-sungai menjadi cetek, ini masalah biasa kita dengar yang menyebabkan banjir.

“Tetapi kita juga kena ambil kira jumlah hujan yang luar biasa dalam tempoh sehari atau beberapa jam yang tertumpu di sesuatu tempat,” katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan **Datuk Noor Azmi Ghazali (BN-Bagan Serai)** yang ingin tahu mengenai usaha kerajaan memperkemaskan RTB, susulan berlakunya hujan lebat yang berterusan di kawasan-kawasan tertentu. - *Bernama*